

**MAHKAMAH DAERAH AMERIKA SYARIKAT  
DAERAH SELATAN NEW YORK**

ALASKA ELECTRICAL PENSION FUND, dll.,

Plaintif,

No. Kes Utama 14-cv-7126 (JMF)

v.

BANK OF AMERICA, N.A., et al.,

Defendan.

**NOTIS CADANGAN TAMBAHAN PENYELESAIAN TINDAKAN KELAS**

**Jika Anda Berurus Niaga Dalam Instrumen ISDAfix Antara 1 Januari 2006 dan 31 Januari 2014,  
Anda Mungkin Dijejaskan oleh Penyelesaian Tindakan Kelas Baru dan Tambahan.**

Untuk tujuan Penyelesaian ini<sup>1</sup>, “Instrumen ISDAfix” bermaksud (i) sebarang dan semua derivatif kadar faedah, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang swap, spread swap, niaga hadapan swap, swap varians, swap turun naik, pelbagai swap akruan, swap kematangan malar, opsyen swap kematangan malar, opsyen digital, opsyen swap peruntukan tunai, opsyen swap peruntukan secara fizikal, niaga hadapan swapnote, niaga hadapan swap peruntukan tunai, pencuram, perata, pengapung songsang, pertambahan, nota berstruktur kadar faedah terangkai, dan nota pelbagai akruan digital dan boleh panggil di mana disebut dalam USD atau berkaitan dengan kadar faedah USD; dan (ii) sebarang instrumen, produk, atau transaksi kewangan yang berkaitan dengan sebarang Kadar Tanda Aras ISDAfix USD, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang instrumen, produk, atau transaksi yang merujuk Kadar Tanda Aras ISDAfix dan sebarang instrumen, produk, atau transaksi yang berkaitan dengan penentuan atau pengiraan Kadar Tanda Aras ISDAfix.

*Mahkamah persekutuan telah membenarkan Notis ini. Ini bukan usaha dari seorang peguam.*

- Notis ini adalah untuk tuntutan mahkamah yang mendakwa Defendan yang terlibat dalam tindakan antisaiing yang menjelaskan pasaran untuk Instrumen ISDAfix dalam pelanggaran Seksyen 1 Akta Sherman, 15 U.S.C. § 1. Tuntutan mahkamah ini juga mendakwa Defendan tertentu telah menjadi kaya secara tidak wajar di bawah undang-undang awam, dan Defendan tertentu telah melanggar Perjanjian Induk ISDA menerusi tindakan antisaiing mereka. Tuntutan mahkamah ini telah dikemukakan oleh, dan bagi pihak, Orang yang telah berurus niaga dalam Instrumen ISDAfix. Defendan menafikan bahawa mereka telah melakukan sebarang kesalahan.
- Penyelesaian awal yang memungut sejumlah \$408.5 juta telah dicapai dengan defendant tertentu, dan penyelesaian tersebut telah diberi kelulusan akhir oleh Mahkamah (“Penyelesaian yang Diluluskan”). Penyelesaian yang Diluluskan tersebut telah dicapai dengan defendant Bank of America, N.A.; Barclays Bank PLC and Barclays Capital Inc.; Citigroup Inc.; Credit Suisse AG, Cawangan New York; Deutsche Bank AG; The Goldman Sachs Group, Inc.; HSBC Bank USA, N.A.; JPMorgan Chase & Co.; Royal Bank of Scotland PLC; dan UBS AG.
- Notis ini adalah untuk memaklumkan anda kepada cadangan penyelesaian **baharu dan tambahan** (“Cadangan Penyelesaian” atau “Penyelesaian”). Cadangan Penyelesaian telah dicapai dengan Defendan BNP Paribas (dinamakan dalam Tindakan sebagai “B.N.P. Paribas SA”); ICAP Capital Markets LLC (kini dikenali sebagai Intercapital Capital Markets LLC); Morgan Stanley & Co. LLC; Nomura Securities International, Inc.; dan Wells Fargo Bank, N.A. (secara kolektif, “Defendan Pembayar Baru”).
- Defendan Pembayar Baru telah bersetuju untuk membayar sejumlah \$96 juta (“Dana Penyelesaian”). Sebelum sebarang wang dibayar kepada Ahli Kelas Penyelesaian, Mahkamah akan mengadakan perbicaraan untuk membuat keputusan sama ada untuk meluluskan atau tidak meluluskan Penyelesaian tersebut. Kelulusan mahkamah berkenaan Penyelesaian ini akan menyelesaikan semua tuntutan berkaitan terhadap Defendan Pembayar Baru. Jumlah sumbangan setiap Defendan Pembayar Baru kepada Dana Penyelesaian disenaraikan di bawah.
- Plaintiff Kelas dan Defendan Pembayar Baru tidak bersetuju mengenai jumlah wang yang boleh diperoleh jika Plaintiff Kelas telah memenangi perbicaraan terhadap Defendan Pembayar Baru.
- Hak sah anda akan terjejas tanpa mengira sama ada anda mengambil atau tidak. Sila baca keseluruhan Notis ini dengan teliti.
- Mahkamah yang bertanggungjawab dalam kes ini perlu membuat keputusan sama ada untuk meluluskan atau tidak meluluskan Cadangan Penyelesaian yang baharu dan tambahan ini. Bayaran akan dibuat jika Mahkamah meluluskan Penyelesaian itu dan, jika terdapat sebarang rayuan, setelah rayuan diselesaikan.

Mahkamah telah melantik peguam yang disenaraikan di bawah sebagai Penasihat Utama untuk mewakili anda dan Kelas Penyelesaian:

Daniel L. Brockett  
Quinn Emanuel Urquhart  
& Sullivan, LLP  
51 Madison Avenue, 22<sup>nd</sup> Floor  
New York, NY 10010

David W. Mitchell  
Robbins Geller Rudman  
& Dowd, LLP  
655 West Broadway, Suite 1900  
San Diego, CA 92101

Christopher M. Burke  
Scott+Scott  
Attorneys at Law LLP  
600 West Broadway, Suite 3300  
San Diego, CA 92101

<sup>1</sup> Sepanjang dalam Notis Cadangan Tambahan Penyelesaian Kelas Tindakan ini (“Notis”), semua istilah huruf besar yang digunakan, tetapi tidak ditakrifkan segera, mempunyai erti yang sama yang diberikan dalam Syarat dan Perjanjian Penyelesaian (“Perjanjian Penyelesaian”), yang boleh didapati di [www.ISDAfixAntitrustSettlement.com](http://www.ISDAfixAntitrustSettlement.com).

**Untuk maklumat lanjut, hubungi 1-844-789-6862 (A.S.), +1-503-597-5526  
(Antarabangsa) atau layari [www.ISDAfixAntitrustSettlement.com](http://www.ISDAfixAntitrustSettlement.com)**

## HAK SAH ANDA DAN PILIHAN DALAM PENYELESAIAN INI

<b>HANTAR BORANG TUNTUTAN Sebelum 23 Disember 2018</b>	Melainkan anda telah menyerahkan borang tuntutan tepat pada masanya dan sah berkaitan dengan Penyelesaian yang Diluluskan sebelum ini, satu-satunya cara untuk menerima bahagian Dana Penyelesaian anda adalah dengan menyerahkan Borang Tuntutan sebelum tarikh ini.
<b>TIDAK TERMASUK DIRI SENDIRI Sebelum 13 Oktober 2018</b>	Tidak mendapat bayaran. Ini sahaja pilihan yang akan membolehkan anda menjadi sebahagian daripada mana-mana tuntutan mahkamah lain terhadap Defendant Pembayar Baru berkenaan tuntutan sah dalam kes ini.
<b>KOMEN ATAU BANTAH Sebelum 13 Oktober 2018</b>	Nyatakan secara bertulis kepada Mahkamah mengapa anda suka atau tidak suka dengan Penyelesaian baharu ini.
<b>PERGI KE SIDANG PERBICARAAN Pada 8 November 2018</b>	Mohon untuk bercakap di dalam Mahkamah berkenaan keadilan Penyelesaian baharu ini.
<b>TIDAK MENGAMBIL APA-APA TINDAKAN</b>	<p>Jika anda telah menyerahkan borang tuntutan tepat pada masanya dan sah berkaitan dengan Penyelesaian yang Diluluskan sebelum ini, borang tuntutan tersebut akan digunakan untuk kedua-dua Penyelesaian yang Diluluskan dan Cadangan Penyelesaian yang baru ini. Oleh itu, anda akan menerima bahagian Dana Penyelesaian anda.</p> <p>Jika anda tidak menyerahkan borang tuntutan tepat pada masanya dan sah berkaitan dengan Penyelesaian yang Diluluskan sebelum ini, tidak melakukan apa-apa yang berkaitan dengan Cadangan Penyelesaian baharu ini bermaksud anda tidak akan menerima bayaran dan menggugurkan hak anda selama-lamanya untuk menjadi sebahagian daripada tuntutan mahkamah lain terhadap Defendant Pembayar Baru tentang tuntutan undang-undang dalam hal ini.</p>

## **APA YANG TERKANDUNG DALAM NOTIS INI**

### **Halaman**

MAKLUMAT ASAS .....	4
1. Mengapakah saya mendapat Notis ini? .....	4
2. Apakah sebab litigasi ini? .....	4
3. Mengapakah perkara ini ialah tindakan kelas? .....	5
4. Mengapa terdapat Penyelesaian? .....	5
SIAPA YANG BOLEH MENYERTAI PENYELESAIAN INI.....	5
5. Bagaimana saya boleh mengetahui jika saya merupakan sebahagian daripada Penyelesaian ini?.....	5
6. Apa Instrumen ISDAfix yang dilindungi dalam Penyelesaian ini? .....	6
7. Adakah terdapat pengecualian untuk tidak menyertai Kelas Penyelesaian?.....	6
8. Bagaimanakah sekiranya saya masih tidak pasti sama ada saya termasuk dalam Kelas Penyelesaian?.....	6
MANFAAT PENYELESAIAN .....	6
9. Apakah yang diberikan oleh Penyelesaian? .....	6
10. Bolehkah Jumlah Penyelesaian dikurangkan atau Penyelesaian ditamatkan? .....	7
11. Adakah saya akan mendapat bayaran? .....	7
12. Bagaimanakah saya boleh mendapat bayaran? .....	8
13. Bilakah saya akan menerima bayaran? .....	8
14. Apakah perkara yang perlu saya lepaskan untuk mendapat bayaran atau terus dalam Kelas Penyelesaian ini? .....	8
MENGECUALIKAN DIRI SENDIRI DARIPADA PENYELESAIAN .....	8
15. Apa yang akan berlaku jika saya tidak mahu menyertai Kelas Penyelesaian? .....	9
16. Bagaimana saya boleh keluar daripada Penyelesaian ini? .....	9
17. Jika saya mengecualikan diri sendiri, bolehkah saya mendapat wang daripada Penyelesaian tersebut? .....	9
18. Jika saya mengecualikan diri, bolehkah saya memberikan komen berkenaan Penyelesaian tersebut? .....	9
MEMBERI KOMEN ATAU MEMBANTAH PENYELESAIAN .....	9
19. Bagaimana saya boleh memberitahu pendapat saya mengenai Penyelesaian tersebut kepada Mahkamah? .....	9
20. Apakah perbezaan di antara membantah dan mengecualikan diri? .....	10
PARA PEGUAM YANG MEWAKILI ANDA.....	10
21. Adakah saya mempunyai peguam dalam kes ini? .....	10
22. Bagaimanakah peguam-peguam ini akan dibayar? .....	10
PERBICARAAN KEADILAN DI MAHKAMAH .....	11
23. Bila dan di mana Mahkamah akan membuat keputusan untuk meluluskan Penyelesaian? .....	11
24. Adakah saya perlu menghadiri sesi perbicaraan? .....	11
25. Bolehkah saya bercakap pada perbicaraan? .....	11
JIKA ANDA TIDAK MENGAMBIL SEBARANG TINDAKAN .....	11
26. Apakah akan berlaku jika saya tidak mengambil sebarang tindakan? .....	11
MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT .....	12
27. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut? .....	12
TIADA KESAN PADA PENYELESAIAN YANG DILULUSKAN .....	12
28. Adakah mana-mana tindakan ini mengubah tarikh tempoh akhir atau syarat-syarat lain yang mengawal Penyelesaian yang Diluluskan? .....	12

## **MAKLUMAT ASAS**

### **1. Mengapakah saya mendapat Notis ini?**

Anda menerima Notis ini kerana anda telah memohonnya atau kerana rekod menunjukkan bahawa anda mungkin ahli Kelas Penyelesaian dalam Tindakan ini kerana anda telah memasuki, menerima atau membuat bayaran pada, menyelesaikan, menamatkan, berurus niaga dalam, atau memegang Instrumen ISDAfix yang layak di antara 1 Januari 2006 dan 31 Januari 2014. Istilah “Instrumen ISDAfix” telah ditakrifkan pada halaman 1 Notis ini.

Anda berhak untuk mengetahui tentang litigasi ini dan hak sah anda serta pilihan sebelum Mahkamah membuat keputusan sama ada untuk meluluskan Cadangan Penyelesaian. Jika Mahkamah meluluskan Penyelesaian tersebut, dan setelah mana-mana bantahan atau rayuan telah diselesaikan, seorang pentadbir tuntutan yang dilantik oleh Mahkamah akan membuat bayaran yang dibenarkan oleh Penyelesaian tersebut. Notis ini menerangkan litigasi, Cadangan Penyelesaian, hak sah anda, manfaat yang disediakan, siapa yang layak untuk menerima, dan cara untuk mendapatkannya.

Jika anda telah menerima Notis ini, namun perdagangan layak yang dilindungi olehnya (seperti yang diterangkan di bawah) telah dilaksanakan bagi pihak beneficiari muktamad, sila hantarkan Notis ini dan mana-mana dokumen iringan kepada pihak beneficiari muktamad, atau sediakan senarai nama dan alamat pihak beneficiari muktamad kepada Pentadbir Tuntutan supaya mereka boleh mengirimkan Notis ini. Jika anda memerlukan bantuan, sila hubungi Pentadbir Tuntutan.

### **2. Apakah sebab litigasi ini?**

Tuntutan mahkamah mendakwa bahawa Defendan, termasuk Defendan Pembayar Baru, telah terlibat dalam tindakan antisaining yang menjelaskan pasaran Instrumen ISDAfix dalam pelanggaran Seksyen 1 Akta Sherman, 15 U.S.C. § 1. Tuntutan mahkamah ini juga mendakwa bahawa Defendan, termasuk Defendan Pembayar Baru, telah menjadi kaya secara tidak wajar di bawah undang-undang awam dan melanggar Perjanjian Induk ISDA menerusi tindakan antisaining mereka. Tuntutan mahkamah ini dikemukakan oleh, dan bagi pihak, Orang tertentu yang telah berurus niaga dalam Instrumen ISDAfix. Semua Defendan menafikan bahawa mereka telah melakukan sebarang kesalahan.

Mahkamah yang menyelia kes ini ialah Mahkamah Daerah Amerika Syarikat untuk Daerah Selatan New York. Kes ini dipanggil *Alaska Electrical Pension Fund, dll. lwn. Bank of America, N.A., dll.*, 14-cv-7126 (JMF).

Entiti yang mendakwa dalam tuntutan mahkamah ini, dirujuk sebagai “Plaintif Kelas” ialah Alaska Electrical Pension Fund; Erste Abwicklungsanstalt; Sistem Persaraan Pekerja Genesee County; Suruhanjaya Pennsylvania Turnpike; Portigon AG; City of New Britain, Connecticut; County of Montgomery, Pennsylvania; dan County of Washington, Pennsylvania.

Plaintif Kelas mendakwa, antara lain, bahawa Defendan, termasuk Defendan Pembayar Baru, berpakat secara sulit untuk memanipulasi “ISDAfix” USD, iaitu kadar rujukan penanda aras global yang digunakan dalam pasaran terbitan kadar faedah. Plaintiff Kelas mendakwa Defendan termasuk 14 buah bank yang menguasai pasaran untuk terbitan kadar faedah serta broker antara-penjual ICAP, yang mengendalikan proses penetapan ISDAfix semasa Tempoh Kelas. Secara umumnya, Plaintiff Kelas mendakwa Defendan memanipulasi kadar ISDAfix untuk menjamin keuntungan supra-kompetitif pada kedudukan terbitannya.

Plaintif Kelas mendakwa bahawa, semasa Tempoh Kelas, kadar ISDAfix telah ditetapkan dan diterbitkan setiap hari untuk pelbagai mata wang dan kematangan melalui proses dua langkah yang diurus oleh ICAP Defendan Pembayar Baru. Menurut Plaintiff Kelas, kadar itu direka untuk mewakili kadar pasaran tengah semasa pada waktu khusus bagi hari tersebut untuk kos standard tetap-untuk-terapung swap kadar faedah. Pertama, bermula jam 11:00 pagi, ICAP menghitung “kadar rujukan” yang direka untuk mencerminkan anggaran ICAP ke atas purata kadar perdagangan swap kadar faedah USD pada masa tersebut. Kedua, ICAP mengedarkan kadar rujukan ini kepada bank defendant, meninjau setiap daripadanya dengan bida/spread tawaran sebenar, dan kemudiannya menggunakan respons untuk menghitung kadar ISDAfix yang diterbitkan.

Plaintif Kelas seterusnya mendakwa bahawa Defendan, termasuk Defendan Pembayar Baru, telah memanipulasi kedua-dua langkah proses penetapan kadar USD ISDAfix ini sepanjang Tempoh Kelas Penyelesaian. Plaintiff Kelas mendakwa bahawa Defendan terlebih dahulu melaksanakan urus niaga dengan tujuan menjelaskan kadar rujukan, dan kemudian bertindak dengan persetujuan mereka untuk tidak mengemukakan kadar sebenar masing-masing, sebaliknya, menerima kadar rujukan ICAP tanpa mengambil kira sama ada ia sepadan dengan spread bida/tawaran sebenar. Plaintiff Kelas juga mendakwa bank Defendan telah membuat penyerahan yang sama setiap hari selama hampir beberapa tahun, iaitu sesuatu yang mustahil secara statistik.

Akibat dakwaan salah laku Defendan Pembayar Baru, Plaintiff Kelas mendakwa Defendan Pembayar Baru telah menyebabkan kemudarat terhadap mereka (dan pihak-pihak lain). Sebagai contoh, namun tidak terhad, mereka mendakwa bahawa urus niaga dengan bayaran yang berhubung dengan kadar ISDAfix akan terjejas jika kadar ISDAfix telah ditetapkan pada tahap yang palsu. Dan mereka mendakwa bahawa urus niaga lain (*contohnya, swap*) akan terjejas melalui kesan manipulasi tersebut terhadap penetapan harga instrumen yang berkaitan.

Seperti yang disebutkan di atas, Defendan Pembayar Baru menafikan bahawa mereka telah melakukan sebarang kesalahan.

**Untuk maklumat lanjut, hubungi 1-844-789-6862 (A.S.), +1-503-597-5526  
(Antarabangsa) atau layari [www.ISDAfixAntitrustSettlement.com](http://www.ISDAfixAntitrustSettlement.com)**

### **3. Mengapakah perkara ini ialah tindakan kelas?**

Tindakan kelas ialah tuntutan mahkamah di mana beberapa wakil plaintif mengemukakan tuntutan bagi pihak diri mereka dan pihak lain yang berada dalam keadaan yang sama (*iaitu*, kelas) yang mempunyai tuntutan yang sama terhadap defendant. Plaintiff, Mahkamah dan peguam yang dilantik untuk mewakili kelas kesemuanya mempunyai tanggungjawab untuk memastikan kepentingan semua ahli kelas diwakili dengan secukupnya.

Paling utama, ahli kelas TIDAK bertanggungjawab secara individu untuk menampung yuran peguam kelas atau perbelanjaan litigasi peguam yang diperuntukkan Mahkamah. Dalam tindakan kelas, yuran peguam dan perbelanjaan litigasi lazimnya dibayar daripada dana penyelesaian (atau jumlah pertimbangan Mahkamah) dan mestilah diluluskan oleh Mahkamah. Jika tiada pemulihan, peguam tidak akan mendapat bayaran.

Apabila plaintif kelas menyertai penyelesaian tersebut, seperti Cadangan Penyelesaian dengan Defendan Pembayar Baru di sini, Mahkamah akan mengehendaki supaya ahli kelas itu diberikan notis penyelesaian dan peluang untuk menyuarakan pandangan. Mahkamah akan mengadakan perbicaraan untuk menentukan, antara lain, jika penyelesaian adalah adil, munasabah dan mencukupi untuk ahli-ahli kelas tersebut.

### **4. Mengapa terdapat Penyelesaian?**

Mahkamah tidak membuat keputusan yang menyebelahi Plaintiff Kelas atau Defendan Pembayar Baru. Plaintiff Kelas dan Peguam Kelas menyiasat dengan teliti fakta dan undang-undang yang berkaitan dengan tuntutan yang dikemukakan dalam litigasi ini, dan juga pembelaan yang mungkin dari pihak Defendan Pembayar Baru. Hasil daripada siasatan ini, Plaintiff Kelas percaya mereka boleh memenangi kerosakan yang sepadan dalam perbicaraan. Defendan Pembayar Baru percaya tuntutan Plaintiff Kelas adalah tidak berasas dan percaya tuntutan itu akan ditolak sebelum perbicaraan, semasa perbicaraan, atau pada rayuan. Defendan Pembayar Baru percaya bahawa mahkamah perbicaraan atau mahkamah rayuan akan menghalang Plaintiff Kelas daripada meneruskan kes litigasi ini sebagai tindakan kelas. Defendan Pembayar Baru tidak percaya bahawa Kelas Plaintiff dapat membuktikan apa-apa kerosakan terhadap Kelas Penyelesaian, yang akhirnya menyebabkan Kelas Penyelesaian tersebut tidak menerima sebarang bayaran.

Tiada satupun daripada isu yang dipertikaikan telah diputuskan berdasarkan dakwaan terhadap Defendan Pembayar Baru. Sebaliknya, setelah melaksanakan perundingan yang panjang, terperinci, tulus, Plaintiff Kelas dan Defendan Pembayar Baru bersetuju untuk menyelesaikan kes ini. Defendan Pembayar Baru telah bersetuju untuk membayar jumlah sebanyak \$96 juta (“Dana Penyelesaian”) untuk menyelesaikan kes ini. Jika Cadangan Penyelesaian diluluskan, kedua-dua pihak akan dapat mengelak kos dan risiko kesudahan yang buruk sebelum atau selepas perbicaraan atau semasa rayuan, dan mana-mana Ahli Kelas Penyelesaian yang menghantar Borang Tuntutan sah akan mendapat pampasan. Plaintiff Kelas dan Peguam Kelas mereka berpendapat Penyelesaian ini adalah terbaik untuk semua Ahli Kelas Penyelesaian.

#### **SIAPA YANG BOLEH MENYERTAI PENYELESAIAN INI**

### **5. Bagaimana saya boleh mengetahui jika saya merupakan sebahagian daripada Penyelesaian ini?**

Kelas Penyelesaian terdiri daripada yang berikut:

Semua Orang atau entiti yang memasuki, menerima atau membuat bayaran pada, menyelesaikan, menamatkan, berurus niaga dalam, atau memegang Instrumen ISDAfix semasa Tempoh Kelas Penyelesaian. Golongan yang dikecualikan dari Kelas Penyelesaian ialah Defendan dan pekerjanya, gabungan, induk, subsidiari dan pekomplot, jika ada, sama ada dinamakan atau tidak dalam Aduan Pindaan, dan Kerajaan Amerika Syarikat, serta semua Pihak Defendan Dilepaskan yang diperuntukkan, walau bagaimanapun, Instrumen Pelaburan tidak sepatutnya dikecualikan daripada takrifan Kelas Penyelesaian ini.

Tempoh Kelas Penyelesaian adalah 1 Januari 2006 sehingga 31 Januari 2014. Jika anda menerima Notis ini namun perdagangan yang layak telah dilaksanakan bagi pihak benefisiari muktamad, sila hantarkan Notis ini dan mana-mana dokumen iringan kepada pihak benefisiari muktamad atau berikan nama dan alamat pihak benefisiari muktamad tersebut kepada Pentadbir Tuntutan supaya mereka boleh mengirimkan Notis ini. Jika anda memerlukan bantuan, sila hubungi Pentadbir Tuntutan.

## **6. Apa Instrumen ISDAfix yang dilindungi dalam Penyelesaian ini?**

Penyelesaian berkaitan dengan instrumen USD ISDAfix yang dirangkumi dalam Penyelesaian ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- Mana-mana yang berikut yang dinamakan dalam mata wang USD atau berkaitan dengan kadar faedah USD: swap, spread swap, niaga hadapan swap, swap varians, swap ketaktentuan, pelbagai swap keakruan, swap kematangan tetap, opsyen swap kematangan tetap, opsyen digital, opsyen swap diselesaikan-tunai, opsyen swap diselesaikan-fizikal, niaga hadapan swap nota, niaga hadapan swap diselesaikan-tunai, puncuram, perata, pengapung songsang, pertambahan, nota berstruktur kadar faedah terangkai dan nota pelbagai akruan digital dan boleh panggil.
- Mana-mana instrumen kewangan lain, produk atau urus niaga yang berkaitan dengan Kadar Penanda Aras ISDAfix termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang instrumen, produk atau urus niaga yang merujuk Kadar Penanda Aras ISDAfix dan sebarang instrumen, produk atau urus niaga yang relevan kepada penentuan atau pengiraan Kadar Penanda Aras ISDAfix.

Kadar Penanda Aras ISDAfix ditakrifkan sebagai sebarang dan semua tenor USD ISDAfix, termasuk sebarang dan semua kadar dan spread USD ISDAfix dan sebarang dan semua “kadar rujukan” yang diagihkan sebagai sebahagian dari proses penyerahan USD ISDAfix.

## **7. Adakah terdapat pengecualian untuk tidak menyertai Kelas Penyelesaian?**

Ya. Anda tidak termasuk dalam Kelas Penyelesaian jika anda ialah seperti berikut: Defendan, pekerjanya, gabungannya, syarikat induk, subsidiari terdahulu atau masa kini Defendan secara langsung atau tidak langsung (termasuk syarikat pemegangan), subsidiari, gabungan, sekutu (semua seperti yang ditakrifkan dalam Peraturan SEC 12b-2 yang diisyiharkan menurut Akta Bursa Sekuriti 1934), bahagian, usaha sama, pendahulu, pengganti, pengambil alih, ejen, peguam, wakil undang-undang atau lain, syarikat insurans (termasuk reinsurer dan co-insurer), penerima serah hak, pemegang serah hak, atau pekerja semasa dan terdahulu, pegawai, atau pengarah daripada Defendan Pembayar Baru. Juga dikecualikan ialah mana-mana Orang yang pengecualianya ialah sebaliknya dimandatkan oleh undang-undang.

Walau bagaimanapun, “Instrumen Pelaburan” tidak dikecualikan daripada Kelas Penyelesaian. Untuk tujuan Penyelesaian, Instrumen Pelaburan bermaksud sebarang syarikat pelaburan atau dana pelaburan terkumpul, termasuk tetapi tidak terhad kepada, yang berikut: (i) dana bersama keluarga, dana dagangan bursa, tabung dana dan dana lindung nilai, di mana Defendan mempunyai atau mungkin mempunyai kepentingan langsung atau tidak langsung, atau gabungannya boleh bertindak sebagai penasihat pelaburan, tetapi Defendan atau gabungannya bukan pemilik majoriti atau tidak memegang kepentingan untung majoriti, dan (ii) mana-mana Pelan Manfaat Pekerja di mana Defendan atau gabungannya bertindak sebagai penasihat pelaburan ataupun fidusiari.

## **8. Bagaimanakah sekiranya saya masih tidak pasti sama ada saya termasuk dalam Kelas Penyelesaian?**

Jika anda masih tidak pasti sama ada anda termasuk dalam Kelas Penyelesaian ataupun tidak, anda boleh mendapatkan bantuan secara percuma. Anda boleh menghubungi 1-844-789-6862 (A.S.) atau +1-503-597-5526 (Antarabangsa) atau layari [www.ISDAfixAntitrustSettlement.com](http://www.ISDAfixAntitrustSettlement.com) untuk maklumat lanjut.

### **MANFAAT PENYELESAIAN**

## **9. Apakah yang diberikan oleh Penyelesaian?**

Defendan Pembayar Baru akan membayar Kelas Penyelesaian secara kolektif sebanyak \$96 juta. Dana Penyelesaian \$96 juta, ditambah faedah yang diperoleh, dan tolak cukai, sebarang kos yang berkaitan dengan memberitahu Kelas Penyelesaian, pentadbiran tuntutan, yuran, perbelanjaan dan pemberian insentif peguam yang diberikan oleh Mahkamah kepada Plaintiff Kelas (“Dana Penyelesaian Bersih”), akan dibahagikan antara semua Ahli Kelas Penyelesaian yang menghantar borang tuntutan tepat pada masanya dan sah untuk Penyelesaian yang Diluluskan (dan mereka yang tidak memilih untuk keluar dari Cadangan Penyelesaian ini), atau mereka yang menghantar Borang Tuntutan tepat pada masanya dan sah untuk Penyelesaian ini. Sila rujuk Soalan 11 dan 12 di bawah untuk cara menerima pembayaran.

Defendan Pembayar Baru telah bersetuju untuk menyumbang kepada Dana Penyelesaian seperti yang berikut: BNP Paribas, \$33,500,000; ICAP Capital Markets LLC, \$11,500,000; Morgan Stanley & Co. LLC, \$33,500,000; Nomura Securities International, Inc., \$8,750,000; Wells Fargo Bank, N.A., \$8,750,000. Hak tertentu, termasuk hak penamatkan atau pengurangan adalah ditetapkan mengikut kadar sumbangan ini. Sila rujuk kepada Perjanjian Penyelesaian untuk butiran penuh.

**Untuk maklumat lanjut, hubungi 1-844-789-6862 (A.S.), +1-503-597-5526  
(Antarabangsa) atau layari [www.ISDAfixAntitrustSettlement.com](http://www.ISDAfixAntitrustSettlement.com)**

## **10. Bolehkah Jumlah Penyelesaian dikurangkan atau Penyelesaian ditamatkan?**

Dalam keadaan tertentu, satu atau lebih Defendant Pembayar Baru berhak memohon pengubahsuaian Jumlah Penyelesaian atau menamatkan Penyelesaian tersebut. Hak untuk memohon pengurangan dalam Jumlah Penyelesaian atau menamatkan Penyelesaian telah dinyatakan pada Perenggan 10 dalam Perjanjian Penyelesaian yang dimeterai oleh Defendant Pembayar Baru. Jika Defendant Pembayar Baru menegaskan bahawa jumlah Permohonan untuk Pengecualian mewakili sebahagian urus niaga semasa Tempoh Kelas Penyelesaian yang layak untuk pampasan di bawah Penyelesaian, dan pengecualian tersebut akan mengurangkan nilai Penyelesaian kepada Defendant Pembayar Baru, ia mempunyai pilihan untuk mengemukakan isu itu kepada pengantara pilihan bersama. Sekiranya pengantara menentukan pengurangan dalam Jumlah Penyelesaian itu berputatan, Amaun Penyelesaian itu boleh dikurangkan.

Selain itu, Defendant Pembayar Baru boleh meminta untuk menamatkan Penyelesaian dengan membuat permohonan untuk penamatan kepada pengantara. Setelah permohonan tersebut dibuat, pengantara akan menentukan jika remedi pengurangan yang dikemukakan di atas tidak mencukupi untuk mengekalkan manfaat penting Penyelesaian kepada Defendant Pembayar Baru. Sekiranya Penyelesaian ditamatkan, Pihak akan kembali ke status masing-masing mengikut tarikh mereka menguatkusakan Perjanjian Penyelesaian tersebut.

Jika tiada Defendant Pembayar Baru yang menggunakan Perenggan 10 Perjanjian Penyelesaian, semua Dana Penyelesaian tidak berubah.

## **11. Adakah saya akan mendapat bayaran?**

Jika anda adalah ahli Kelas Penyelesaian dan tidak memilih untuk keluar daripada Kelas Penyelesaian, anda layak untuk menyerahkan Borang Tuntutan bagi menerima bahagian wang anda daripada Penyelesaian tambahan ini.

- Jika anda menyerahkan borang tuntutan tepat pada masanya dan sah untuk Penyelesaian yang Diluluskan, anda tidak perlu mengambil tindakan selanjutnya. Borang tuntutan itu juga akan digunakan untuk membuat tuntutan berhubung dengan Dana Penyelesaian \$96 juta yang berkaitan dengan Cadangan Penyelesaian ini (dengan syarat anda tidak memilih untuk keluar dari Cadangan Penyelesaian ini). Jika anda tidak pasti sama ada anda telah menyerahkan borang tuntutan tepat pada masanya dan sah berkaitan dengan Penyelesaian yang Diluluskan, sila hubungi Pentadbir Tuntutan.
- Jika anda tidak menyerahkan borang tuntutan yang sah tepat pada masanya untuk Penyelesaian yang Diluluskan, anda mesti mengambil tindakan untuk menerima sebarang pembayaran.

Jumlah bayaran anda dari Dana Penyelesaian \$96 juta akan ditentukan oleh Pelan Pengagihan yang telah terlebih dahulu diluluskan oleh Mahkamah. Sebahagian besarnya sama dengan pelan di mana Mahkamah telah berikan kelulusan akhir berkaitan dengan Penyelesaian yang Diluluskan sebelum ini. Ketua Peguam akan mentadbir kedua-dua Penyelesaian yang Diluluskan dan Cadangan Penyelesaian dengan berarahan kepada kecekapan dan mengurangkan beban Ahli Kelas Penyelesaian. Memandangkan definisi Kelas Penyelesaian sebahagian besarnya adalah sama dan pentadbiran tuntutan akan bertindih, Ketua Peguam mempunyai kuasa untuk berpindah untuk satu perintah pengagihan yang meliputi Penyelesaian yang Diluluskan dan Cadangan Penyelesaian.

Dalam keadaan yang sesuai, Ketua Peguam boleh mendapatkan perintah pengagihan yang melayan tuntutan tepat pada masanya dan sah yang dikemukakan berkaitan dengan Cadangan Penyelesaian sebagai tuntutan lewat yang dikecualikan berkenaan dengan Penyelesaian yang Diluluskan. Dan Peguam Kelas akan melaksanakan budi bicara mereka untuk menerima tuntutan lewat berkaitan dengan Penyelesaian yang Diluluskan dengan berbuat demikian apabila, tanpa had: (a) Ahli Kelas Penyelesaian adalah ahli, dan tidak memilih untuk keluar, Kelas Penyelesaian yang dikaitkan dengan Penyelesaian yang Diluluskan; dan (b) Borang Tuntutan sah yang diterima sebelum **13 Oktober 2018**.

Pelan Pengagihan yang dicadangkan akan memperuntukkan Dana Penyelesaian Bersih kepada dua Tabung (“A” dan “B”).

Tabung A merangkumi Instrumen ISDAfix yang secara langsung dikaitkan kepada satu kadar ISDAfix atau lebih. Tabung B terdiri daripada semua Instrumen ISDAfix yang lain. Peruntukan tabung B seterusnya akan dibahagikan di antara empat subkumpulan. Tabung B.1 merangkumi swap kadar faedah tetap-until-terapung di mana rujukan kaki terapung USD LIBOR serta set terbitan kadar faedah yang menyediakan penghantaran, berdasarkan syarat yang ditentukan lebih awal bagi swap kadar faedah tersebut. Tabung B.2 merangkumi sekuriti pendapatan tetap-Perbendaharaan atau sebarang terbitan yang membolehkan penghantaran sekuriti Perbendaharaan tersebut, seperti kontrak Niaga Hadapan Perbendaharaan. Tabung B.3 merangkumi kontrak Niaga Hadapan Eurodollar, atau sebarang terbitan yang menyediakan penghantaran kontrak Niaga Hadapan Eurodollar, seperti opsyen Eurodollar. Tabung B.4 terdiri daripada sebarang Instrumen ISDAfix yang tidak sepadan dengan mana-mana kategori di atas.

Setiap urus niaga hanya akan membentuk asas tuntutan terhadap bahagian Data Penyelesaian Bersih yang diperuntukkan kepada Tabung yang sama dan subkumpulan di mana urus niaga itu diperuntukkan. Pelan Pengagihan memperuntukkan berat relatif kepada setiap urus niaga yang layak, berdasarkan: (a) amaun wang yang menjadi asas kepada bayaran faedah bagi

**Untuk maklumat lanjut, hubungi 1-844-789-6862 (A.S.), +1-503-597-5526  
(Antarabangsa) atau layari [www.ISDAfixAntitrustSettlement.com](http://www.ISDAfixAntitrustSettlement.com)**

urus niaga (“Jumlah Nasional Urus Niaga”); (b) kepekaan ekonomi urus niaga itu kepada kadar ISDAfix dan swap pasaran (“Pengganda Ekonomi”) dan (c) darjah risiko relatif yang timbul akibat jenis urus niaga yang mungkin berhadapan dengan perbicaraan (“Pengganda Litigasi”). Jumlah Tuntutan Urus Niaga untuk urus niaga tertentu itu pada umumnya dikira sebagai: Jumlah Tuntutan Urus Niaga = Jumlah Nasional Urusniaga x Pengganda Ekonomi x Pengganda Litigasi.

Pengagihan daripada setiap Tabung/subkumpulan akan dibuat berdasarkan kaedah pro rata setelah penimbangan tersebut selesai. Contohnya, pungutan anda untuk semua urus niaga anda yang diperuntukkan ke Tabung A akan dikira sebagai (a) jumlah Dana Penyelesaian Bersih bagi Tabung A, didarabkan dengan (b) nisbah semua Jumlah Tuntutan Urus Niaga Tabung A anda seperti yang dibandingkan dengan keseluruhan semua Jumlah Tuntutan Urus Niaga Tabung A Ahli Kelas Penyelesaian.

Untuk butiran terperinci mengenai Pelan Pengagihan dan kemas kini terkini mengenai proses penyelesaian, sila layari laman web penyelesaian, [www.ISDAfixAntitrustSettlement.com](http://www.ISDAfixAntitrustSettlement.com) atau hubungi Pentadbir Tuntutan di talian 1-844-789-6862 (A.S.) atau +1-503-597-5526 (Antarabangsa).

## **12. Bagaimakah saya boleh mendapat bayaran?**

Untuk layak mendapat pembayaran, *melainkan* anda menyerahkan borang tuntutan tepat pada masanya dan sah berkaitan dengan Penyelesaian yang Diluluskan, anda *mesti* menyerahkan Borang Tuntutan kepada Pentadbir Tuntutan. Jika anda tidak pasti sama ada anda menyerahkan borang tuntutan tepat pada masanya dan sah berkaitan dengan Penyelesaian yang Diluluskan, sila hubungi Pentadbir Tuntutan. Borang Tuntutan untuk Cadangan Penyelesaian dilampirkan dengan Notis ini. Anda juga boleh mendapatkan Borang Tuntutan secara elektronik melalui laman web penyelesaian, [www.ISDAfixAntitrustSettlement.com](http://www.ISDAfixAntitrustSettlement.com) atau dengan menghubungi Pentadbir Tuntutan di talian 1-844-789-6862 (A.S.) atau +1-503-597-5526 (Antarabangsa). Baca arahan dengan teliti, lengkapkan borang tersebut, lampirkan semua dokumen yang diminta oleh borang, tandatangani borang, dan hantarkannya. Borang Tuntutan mesti dihantar secara elektronik sebelum **23 Disember 2018**.

## **13. Bilakah saya akan menerima bayaran?**

Mahkamah akan mengadakan perbicaraan pada **8 November 2018** untuk memutuskan untuk meluluskan Cadangan Penyelesaian tersebut. Jika Mahkamah meluluskan Penyelesaian itu, mungkin terdapat rayuan selepas itu. Biasanya, sukar untuk memastikan bilakah rayuan ini dapat diselesaikan. Proses menyelesaikan rayuan boleh mengambil masa mungkin lebih daripada setahun. Anda dinasihatkan supaya bersabar.

## **14. Apakah perkara yang perlu saya lepaskan untuk mendapat bayaran atau terus dalam Kelas Penyelesaian ini?**

Melainkan anda mengecualikan diri sendiri, anda kekal berada dalam Kelas Penyelesaian, dan itu bermaksud anda tidak boleh mendakwa, terus mendakwa atau menyertai sebarang tuntutan mahkamah lain terhadap Defendan Pembayar Baru atau Pihak Defendan yang Dilepaskan mengenai isu undang-undang dalam kes ini. Ia juga bermaksud bahawa semua arahan Mahkamah akan dikenakan kepada anda dan anda akan terikat kepada undang-undang. Seperti yang diterangkan dalam Perjanjian Penyelesaian ini, setelah Tarikh Kuat Kuasa Penyelesaian ini, setiap Pihak Kelas yang Melepaskan: (i) harus dianggap mempunyai, dan dengan mengikut operasi Penghakiman Muktamad dan Perintah Pengguguran akan mengecualikan, melepaskan, mengeluarkan, dan membebaskan sepenuhnya, muktamad, dan selamanya setakat yang dibenarkan oleh undang-undang semua Tuntutan Dilepaskan terhadap Pihak Defendan yang Dilepaskan, tanpa menghiraukan sama ada Pihak Kelas yang Melepaskan melaksanakan dan menyerahkan Borang Tuntutan; (ii) akan selama-lamanya dihalang daripada mendakwa dalam sebarang forum Tuntutan Kelas Dilepaskan terhadap sebarang Pihak Defendan Dilepaskan; dan (iii) bersatu dan berjanji tidak akan mendakwa sebarang Pihak Defendan yang Dilepaskan berkenaan dengan Tuntutan Dilepaskan atau untuk membantu sebarang pihak ketiga untuk mulakan atau mengekalkan sebarang tindakan guaman terhadap mana-mana Pihak Defendan Dilepaskan dalam apa jua cara yang berkaitan dengan Tuntutan Dilepaskan. Istilah dengan huruf besar yang digunakan dalam perenggan ini ditakrifkan dalam Perjanjian Penyelesaian yang boleh diakses pada laman web penyelesaian, [www.ISDAfixAntitrustSettlement.com](http://www.ISDAfixAntitrustSettlement.com).

Keterangan penuh tuntutan yang anda lepaskan terhadap Defendan Pembayar Baru dan Pihak yang Dilepaskan telah dinyatakan dalam Perjanjian Penyelesaian di Perenggan 7, yang mana boleh didapati di laman web penyelesaian, [www.ISDAfixAntitrustSettlement.com](http://www.ISDAfixAntitrustSettlement.com) atau dengan menghubungi Pentadbir Tuntutan di talian 1-844-789-6862 (A.S.) atau +1-503-597-5526 (Antarabangsa). Melainkan anda mengecualikan diri sendiri, anda “melepaskan” tuntutan yang diterangkan dalam Perjanjian Penyelesaian tanpa mengambil kira sama ada anda menghantar tuntutan kemudian atau tidak.

### **MENGECUALIKAN DIRI SENDIRI DARIPADA PENYELESAIAN**

Jika anda tidak mahu bayaran daripada Penyelesaian ini, tetapi mahu mengekalkan hak mendakwa atau terus mendakwa Defendan Pembayar Baru secara persendirian mengenai isu undang-undang dalam kes ini, anda mesti mengambil langkah untuk keluar dari Kelas Penyelesaian yang berkenaan dengan Cadangan Penyelesaian ini. Ini dipanggil sebagai mengecualikan diri anda—atau kadangkala dirujuk sebagai “memilih untuk keluar”—daripada Kelas Penyelesaian.

**Untuk maklumat lanjut, hubungi 1-844-789-6862 (A.S.), +1-503-597-5526  
(Antarabangsa) atau layari [www.ISDAfixAntitrustSettlement.com](http://www.ISDAfixAntitrustSettlement.com)**

Sila ambil perhatian bahawa “memilih untuk keluar” dari Kelas Penyelesaian ini mungkin tidak mengubah hak yang mungkin anda ada atau tiada berkenaan dengan Defendan yang tertakluk kepada Penyelesaian yang Diluluskan. Sila rujuk laman web penyelesaian, [www.ISDAfixAntitrustSettlement.com](http://www.ISDAfixAntitrustSettlement.com), untuk maklumat berkenaan dengan jenis tuntutan yang dilepaskan berkaitan dengan kelulusan terakhir bagi Penyelesaian yang Diluluskan sebelum ini.

## **15. Apa yang akan berlaku jika saya tidak mahu menyertai Kelas Penyelesaian?**

Jika anda membuat keputusan untuk mengecualikan diri anda atau “memilih untuk keluar” daripada Kelas Penyelesaian berkenaan Cadangan Penyelesaian baharu ini, anda bebas untuk mendakwa Defendan Pembayar Baru atau sebarang Pihak yang Dilepaskan yang lain secara persendirian bagi tuntutan yang diselesaikan oleh Penyelesaian. Walau bagaimanapun, anda tidak akan menerima sebarang wang daripada Penyelesaian ini, dan Peguam Kelas lagi tidak akan mewakili anda berkenaan mana-mana tuntutan terhadap Defendan Pembayar Baru. Jika anda mengecualikan diri anda daripada Kelas Penyelesaian di mana anda merupakan ahli, anda akan mengecualikan diri anda daripada Cadangan Penyelesaian yang baru ini. Jika anda ingin menerima wang daripada Penyelesaian ini, sila jangan kecualikan diri anda.

Mereka yang mengecualikan dirinya daripada Kelas Penyelesaian berkaitan dengan Penyelesaian yang Diluluskan masih boleh menyertai Cadangan Penyelesaian ini. Walau bagaimanapun, mereka hanya layak mendapat bayaran daripada Dana Penyelesaian Bersih daripada Penyelesaian tambahan ini.

## **16. Bagaimana saya boleh keluar daripada Penyelesaian ini?**

Anda boleh mengecualikan diri anda atau “memilih untuk keluar” dengan menghantar Permohonan untuk Pengecualian secara bertulis kepada Pentadbir Tuntutan. Permohonan untuk Pengecualian mestilah: (a) secara bertulis; (b) ditandatangani oleh anda atau wakil yang diberi kuasa; (c) nyatakan, sekurang-kurangnya, nama anda, alamat dan telefon nombor; (d) lampirkan bukti keahlian dalam Kelas Penyelesaian; (e) kenal pasti nombor tuntutan yang dicetak pada Borang Tuntutan (jika ada) yang anda terima dan (f) lampirkan pernyataan bertanda tangan yang menyatakan bahawa “Saya/kami memohon supaya saya/kami dikecualikan dari Kelas Penyelesaian dalam *Litigasi Antitrust ISDAfix*.” Bukti keahlian dalam Kelas Penyelesaian boleh terdiri daripada pengesahan perdagangan, laporan urus niaga, penyata akaun, atau dokumen lain yang membuktikan keahlian dalam Kelas Penyelesaian.

Anda tidak boleh mengecualikan diri anda melalui telefon atau e-mel. Anda mesti berbuat demikian secara bertulis dan menerusi kiriman pos. Bagi memastikan ia sah, Permohonan untuk Pengecualian anda mesti dicap pos sebelum **13 Oktober 2018** dan dikirimkan ke Pentadbir Tuntutan di alamat yang berikut:

*Alaska Electrical Pension Fund, et al. v. Bank of America, N.A., et al.*  
c/o Epiq  
P.O. Box 3775  
Portland, OR 97208-3775  
U.S.A.

Jika anda meminta untuk dikecualikan, anda tidak akan mendapat sebarang bayaran Penyelesaian, dan anda tidak boleh memberi komen atau membantah Penyelesaian tersebut. Anda tidak terikat secara undang-undang terhadap Penyelesaian atau sebarang perkara yang berlaku dalam tuntutan mahkamah ini yang berkenaan dengan Defendan Pembayar Baru.

## **17. Jika saya mengecualikan diri sendiri, bolehkah saya mendapat wang daripada Penyelesaian tersebut?**

Tidak. Anda tidak akan mendapat sebarang manfaat kewangan daripada Penyelesaian ini jika anda mengecualikan diri anda daripada Kelas Penyelesaian.

## **18. Jika saya mengecualikan diri, bolehkah saya memberikan komen berkenaan Penyelesaian tersebut?**

Tidak. Jika anda mengecualikan diri anda, anda bukan lagi ahli Kelas Penyelesaian dan tidak boleh memberikan komen atau membantah mana-mana aspek Penyelesaian tersebut.

### **MEMBERI KOMEN ATAU MEMBANTAH PENYELESAIAN**

## **19. Bagaimana saya boleh memberitahu pendapat saya mengenai Penyelesaian tersebut kepada Mahkamah?**

Jika anda adalah ahli Kelas Penyelesaian dan tidak mengecualikan diri anda, anda boleh memberitahu pendapat anda mengenai Penyelesaian tersebut kepada Mahkamah. Anda boleh memberi komen atau membantah mana-mana bahagian Penyelesaian

**Untuk maklumat lanjut, hubungi 1-844-789-6862 (A.S.), +1-503-597-5526  
(Antarabangsa) atau layari [www.ISDAfixAntitrustSettlement.com](http://www.ISDAfixAntitrustSettlement.com)**

tersebut, permohonan yuran dan perbelanjaan peguam atau permohonan untuk bayaran insentif kepada Plaintiff Kelas kerana mewakili Kelas Penyelesaian itu. Anda boleh memberi sebab mengapa anda berpendapat Mahkamah patut meluluskan Penyelesaian ini. Mahkamah akan mempertimbangkan pandangan anda.

Jika anda ingin menyatakan komen atau bantahan, anda mesti berbuat demikian secara bertulis dan memfailkannya di Mahkamah dengan mengirimkannya ke alamat Mahkamah di bawah. Komen atau bantahan bertulis anda mesti mengandungi: (a) sama ada anda berhasrat untuk menghadiri Perbicaraan Keadilan secara peribadi atau melalui peguam (walaupun kehadiran adalah tidak perlu untuk pihak Mahkamah mempertimbangkan bantahan anda); (b) bukti keahlian dalam Kelas Penyelesaian; dan (c) sebab khusus bantahan dan apa jua sebab mengapa anda berhasrat untuk hadir and didengari, serta semua dokumen atau surat-menyerat yang anda mahu Mahkamah pertimbangkan. Bukti keahlian dalam Kelas Penyelesaian boleh terdiri daripada pengesahan perdagangan, laporan urus niaga, penyata akaun atau dokumen lain yang membuktikan keahlian dalam Kelas Penyelesaian.

Anda tidak boleh membuat komen atau bantahan melalui telefon atau e-mel. Untuk dipertimbangkan, anda mesti memfailkkan bantahan anda dengan Mahkamah sebelum **13 Oktober 2018** dengan mengirimkannya kepada alamat berikut:

The Honorable Jesse M. Furman  
Thurgood Marshall United States Courthouse  
40 Foley Square, Room 1105  
New York, NY 10007

Jika anda tidak mengemukakan komen atau bantahan tepat pada masanya dalam cara yang telah dinyatakan, pandangan anda tidak akan dipertimbangkan oleh Mahkamah atau mana-mana mahkamah rayuan.

Sila ambil perhatian bahawa komen harus dihadkan kepada isu yang berkaitan dengan Cadangan Penyelesaian bernilai \$96 juta yang baru ini. Tarikh akhir untuk komen dan bantahan yang berkaitan dengan Penyelesaian yang Diluluskan telah berlalu dan Mahkamah telah memberikan kelulusan akhir kepada penyelesaian tersebut. Sila rujuk laman web penyelesaian untuk maklumat lanjut mengenai Penyelesaian yang Diluluskan.

## **20. Apakah perbezaan di antara membantah dan mengecualikan diri?**

Membantah bermaksud anda memberitahu Mahkamah yang anda tidak bersetuju mengenai sesuatu perkara dalam Penyelesaian tersebut. Anda boleh membantah jika anda kekal dalam Kelas Penyelesaian. Mengecualikan diri anda bermaksud anda memaklumkan kepada Mahkamah bahawa anda tidak mahu menjadi sebahagian dari Kelas Penyelesaian ini. Jika anda mengecualikan diri anda, anda tidak mempunyai asas untuk membantah kerana Penyelesaian itu tidak lagi memberi kesan kepada anda.

### **PARA PEGUAM YANG MEWAKILI ANDA**

## **21. Adakah saya mempunyai peguam dalam kes ini?**

Ya. Mahkamah telah melantik tiga peguam yang tersenarai di bawah untuk mewakili anda dan Kelas Penyelesaian:

Daniel L. Brockett  
Quinn Emanuel Urquhart dan Sullivan, LLP  
51 Madison Avenue, 22<sup>nd</sup> Floor  
New York, NY 10010

David W. Mitchell  
Robbins Geller Rudman & Dowd, LLP  
655 West Broadway, Suite 1900  
San Diego, CA 92101

Christopher M. Burke  
Scott+Scott Attorneys at Law LLP  
600 West Broadway, Suite 3300  
San Diego, CA 92101

Peguam ini dipanggil Peguam Kelas. Peguam Kelas akan memohon kepada Mahkamah untuk bayaran yuran dan perbelanjaan peguam daripada Dana Penyelesaian. Anda tidak akan dicaj untuk perkhidmatan Peguam Kelas. Jika anda mahu diwakili oleh peguam anda sendiri, anda boleh mengupah peguam pilihan anda dengan perbelanjaan yang ditanggung sendiri.

## **22. Bagaimanakah peguam-peguam ini akan dibayar?**

Sebarang yuran dan kos peguam akan diberikan sepertimana yang diluluskan oleh Mahkamah dalam jumlah yang ditentukan sebagai adil dan munasabah. Perjanjian Penyelesaian membolehkan Peguam Kelas untuk memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan yuran dan kos guaman daripada Dana Penyelesaian tersebut. Sebelum perbicaraan kelulusan akhir, Peguam Kelas akan bertindak untuk mendapatkan yuran peguam yang tidak melebihi 30% daripada Dana Penyelesaian; pembayaran kos

**Untuk maklumat lanjut, hubungi 1-844-789-6862 (A.S.), +1-503-597-5526  
(Antarabangsa) atau layari [www.ISDAfixAntitrustSettlement.com](http://www.ISDAfixAntitrustSettlement.com)**

litigasi; dan faedah untuk yuran peguam dan kos pada kadar yang sama seperti perolehan dalam Dana Penyelesaian, terakru dari awal Dana Penyelesaian sehingga yuran peguam dan kos telah dibayar. Kelas Plaintiff boleh juga berusaha mendapatkan bayaran insentif kerana usaha dan perbelanjaan unik mereka yang diambil bagi pihak Kelas Penyelesaian. Usul oleh Peguam Kelas untuk yuran dan kos peguam serta bayaran insentif boleh didapati di laman web penyelesaian setelah ia difaiklan pada **28 September 2018**.

Mahkamah akan mempertimbangkan permohonan Peguam Kelas untuk yuran peguam, perbelanjaan, dan mana-mana bayaran insentif pada atau selepas Perbicaraan Keadilan ini.

### **PERBICARAAN KEADILAN DI MAHKAMAH**

#### **23. Bila dan di mana Mahkamah akan membuat keputusan untuk meluluskan Penyelesaian?**

Mahkamah akan mengadakan Perbicaraan Keadilan pada **8 November 2018**, pukul 3:30 ptg. Timur, di Mahkamah Daerah Amerika Syarikat untuk Daerah Selatan New York, Thurgood Marshall United States Courthouse, 40 Foley Square, Courtroom 1105, New York, NY 10007. Perbicaraan tersebut boleh dipindahkan ke tarikh atau masa yang berlainan tanpa notis tambahan, jadi anda hendaklah menyemak laman web penyelesaian, [www.ISDAfixAntitrustSettlement.com](http://www.ISDAfixAntitrustSettlement.com) sebelum membuat rancangan perjalanan. Semasa Perbicaraan Keadilan, Mahkamah akan mempertimbangkan sama ada Cadangan Penyelesaian itu adil, munasabah dan mencukupi. Mahkamah akan mempertimbangkan jumlah yang perlu dibayar kepada Peguam Kelas dan sama ada untuk meluluskan belanja litigasi dan bayaran insentif kepada Kelas Plaintiff ataupun tidak. Jika terdapat komen atau bantahan, Mahkamah akan mempertimbangkan semasa perbicaraan tersebut. Semasa atau setelah perbicaraan, Mahkamah akan membuat keputusan sama ada untuk meluluskan Penyelesaian atau tidak. Kami tidak tahu tempoh masa yang bakal diambil untuk memutuskan perkara ini.

#### **24. Adakah saya perlu menghadiri sesi perbicaraan?**

Tidak. Peguam Kelas akan bersedia untuk menjawab apa jua soalan yang akan ditanya oleh pihak Mahkamah pada sesi tersebut. Walau bagaimanapun, anda dialu-alukan untuk menghadiri Perbicaraan dengan perbelanjaan yang ditanggung sendiri. Jika anda menghantar komen atau bantahan, anda tidak perlu hadir ke Mahkamah untuk menjelaskannya. Sekiranya komen atau bantahan bertulis anda dikirimkan tepat masa yang ditetapkan oleh Notis ini, Mahkamah akan mempertimbangkannya. Anda boleh juga membayar peguam lain untuk hadir, tetapi ini tidak diwajibkan.

#### **25. Bolehkah saya bercakap pada perbicaraan?**

Anda boleh meminta kebenaran Mahkamah untuk bercakap pada Perbicaraan Keadilan. Jika anda ingin hadir di Perbicaraan Keadilan dan membuat komen atau bantahan sama ada secara peribadi atau melalui peguam yang diupah dengan perbelanjaan sendiri, hasrat anda untuk hadir pada Perbicaraan Keadilan perlu dinyatakan menerusi komen atau bantahan secara bertulis. *Lihat Soalan 19 untuk maklumat tentang cara untuk memfailkan komen atau bantahan anda.*

### **JIKA ANDA TIDAK MENGAMBIL SEBARANG TINDAKAN**

#### **26. Apakah akan berlaku jika saya tidak mengambil sebarang tindakan?**

Sebagaimana dibincangkan sebagai jawapan kepada Soalan 11 di atas, jika anda mengemukakan Borang Tuntutan tepat pada masanya dan sah berkaitan dengan Penyelesaian yang Diluluskan, tidak berbuat apa-apa akan menyebabkan Pentadbir Tuntutan melayan anda seolah-olah anda juga menyerahkan Borang Tuntutan tepat pada masanya dan sah berkenaan Cadangan Penyelesaian yang baru ini. Anda akan mendapat bayaran daripada Dana Penyelesaian \$96 juta itu.

Jika anda tidak menyerahkan Borang Tuntutan tepat pada masanya dan sah berkaitan dengan Penyelesaian yang Diluluskan, dan tidak melakukan apa-apa di sini, anda tidak akan mendapat sebarang wang dari Penyelesaian.

Sekiranya anda tidak mengecualikan diri anda, anda tidak boleh memulakan tuntutan mahkamah, meneruskan tuntutan mahkamah, atau mengambil bahagian pada mana-mana tuntutan mahkamah lain terhadap Defendant Pembayar Baru atau Pihak Defendan yang Dilepaskan mengenai isu undang-undang dalam kes ini.

## **MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT**

### **27. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Notis ini merumuskan Cadangan Penyelesaian yang baru ini. Butiran lanjut boleh didapati dalam Perjanjian Penyelesaian. Anda boleh mendapat salinan Perjanjian Penyelesaian yang lengkap di laman web penyelesaian, [www.ISDAfixAntitrustSettlement.com](http://www.ISDAfixAntitrustSettlement.com). Laman web menyediakan jawapan kepada soalan-soalan lazim mengenai Penyelesaian dan Penyelesaian yang Diluluskan ini, salinan Borang Tuntutan dan maklumat lain untuk membantu anda menentukan sama ada anda ialah ahli Kelas Penyelesaian dan sama ada anda layak mendapat bayaran. Anda boleh menghubungi Pentadbir Tuntutan di talian 1-844-789-6862 (A.S.) atau +1-503-597-5526 (Int.) atau secara bertulis kepada Pentadbir Tuntutan di alamat berikut:

*Alaska Electrical Pension Fund, et al. v. Bank of America, N.A., et al.*  
c/o Epiq  
P.O. Box 3775  
Portland, OR 97208-3775  
U.S.A.

## **TIADA KESAN TERHADAP PENYELESAIAN YANG DILULUSKAN**

### **28. Adakah mana-mana tindakan ini mengubah tarikh tempoh akhir atau syarat lain yang mengawal Penyelesaian yang Diluluskan?**

Tidak. Penyelesaian yang Diluluskan telah menerima kelulusan akhir daripada Mahkamah. Tarikh akhir untuk membantah atau keluar daripada Penyelesaian yang Diluluskan telah berlalu. Tarikh akhir penyerahan tuntutan untuk Penyelesaian yang Diluluskan adalah 16 Julai 2018. Namun, Kelas Peguam mempunyai budi bicara untuk membenarkan tuntutan lewat yang berkaitan dengan Penyelesaian yang Diluluskan. Mereka komited untuk menggunakan budi bicara itu dalam keadaan tertentu. *Lihat Soalan 11.*

Untuk maklumat lanjut mengenai Penyelesaian yang Diluluskan, sila rujuk laman web penyelesaian.

TARIKH: 14 Ogos 2018

PERINTAH MAHKAMAH